



ABDULLAH Ahmad Badawi meneliti sisipan *Celik* edisi khas terbitan *Utusan Malaysia* selepas merasmikan MSAM 2004 di Dewan Milenium, Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam. Di kiri beliau Hamad Kama Piah dan Ahmad Sarji.

um - 21/4/2004, m/s: 2

Celik idea kreatif tingkat pengetahuan pelaburan kepada masyarakat — PM

KEPALA BATAS 20 April — Sisipan *Celik* dalam *Utusan Malaysia* yang dilancarkan hari ini merupakan satu idea kreatif yang dapat memberi banyak manfaat kepada masyarakat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, beliau berharap orang ramai akan terus mengikuti perkembangan dan maklumat yang dimuatkan dalam sisipan itu kerana ia amat berguna dalam meningkatkan pengetahuan mereka mengenai pelaburan.

Sambil mengucapkan tahniah kepada *Utusan Malaysia* dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang bekerjasama dalam menghasilkan *Celik*, Abdullah berkata, penerbitan sisipan itu adalah satu contoh wujudnya 'kerjasama media'.

"Inilah yang saya mak-

sudkan dengan kerjasama media, inilah yang dikatakan kerjasama media," katanya selepas melancarkan sisipan *Celik* di tapak pameran Minggu Saham Amanah Malaysia 2004 (MSAM 2004) di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon; Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman.

Perdana Menteri turut mengambil peluang untuk meneliti kandungan edisi khas sisipan *Celik* yang diterbitkan sempena MSAM 2004 itu.

Celik yang diterbitkan sejak bulan lepas merupakan sisipan mengenai hal pelaburan, perancangan kewangan, aktiviti PNB, kerjaya dan pendidikan dengan sasaran utamanya

adalah golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa.

Edisi pertama *Celik* diterbitkan pada 25 Mac lalu bagi membolehkan masyarakat mengetahui pelbagai produk keluaran PNB selain memuatkan berita mengenai pelaburan dan perancangan kewangan untuk membantu mereka yang kurang berpengetahuan mengenai cara membuat pelaburan.

Abdullah berkata, sisipan *Celik* akan memberi banyak faedah kepada masyarakat termasuk pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai bidang pelaburan, ekonomi dan perniagaan.

"Saya harap masyarakat dan pelajar dapat membaca sisipan terbitan *Utusan Malaysia* dan PNB ini kerana mereka akan memperoleh banyak faedah daripadanya," katanya.